

**JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU****PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2010**

1249/1

SEJARAH TINGKATAN 4

Kertas 1

Mei

1 jam

Satu Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, A, B, C dan D. Bagi setiap soalan pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Disediakan oleh:
AKRAM HIGHER TERENGGANU

Dibiayai oleh:
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

TERENGGANU ANJUNG ILMU

Dicetak oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601. Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 1 Pernyataan di bawah mempunyai kaitan dengan makna tamadun

Perkataan Greek iaitu "Civilization"

Perkataan tersebut merujuk pada

- A daerah
- B bandar
- C kawasan
- D Perkampungan

Sungai-sungai berikut mempunyai satu ciri persamaan

- Sungai Nil
- Sungai Indus
- Sungai Hwang Ho

- 2 Apakah persamaan tersebut?

- A Tempat ibadat
- B Tempat pemujaan
- C Tempat pertandingan
- D Tempat bermulanya tamadun awal

- 3 Mengapakah penempatan kekal penting dalam pembentukan sesebuah tamadun?

- A Mengekalkan alam semulajadi
- B Menjaga keselamatan penduduk
- C Menjamin kewibawaan pemimpin
- D Memastikan kelangsungan bekalan makanan

- 4 Apakah prinsip utama Undang-undang Hammurabi?

- A Hukuman yang sama untuk semua lapisan masyarakat
- B Hukuman yang dikenakan setimpal dengan kesalahan
- C Hukuman yang keras untuk mengawal tingkah laku manusia
- D Hukuman dikenakan tanpa bukti yang sah

- 5 Mengapakah makam mayat orang Mesir purba dipenuhi dengan peralatan dan kelengkapan harian?

- A Percaya akan kekuasaan firaun
- B Percaya akan kata-kata pendeta
- C Percaya kehidupan selepas mati
- D Percaya kewujudan banyak tuhan

[Lihat halaman sebelah
SULIT

6 Bagaimanakah masyarakat Indus menghasilkan batu bata?

- A Menggunakan ceper
- B Menggunakan tanah lembut
- C Membakar dengan suhu tinggi
- D Dijemur dengan panas matahari

Senarai berikut menerangkan sumbangan tamadun awal di dunia

- Cuneiform
- Hieroglif
- Ideogram

7 Apakah bidang yang berkaitan dengan sumbangan tersebut?

- A Agama
- B Tulisan
- C Bahasa
- D Sistem kepercayaan

Pernyataan di bawah menerangkan kepercayaan masyarakat tamadun Hwang Ho

Masyarakat Shang mengamalkan penyembahan roh nenek moyang, tuhan syurga, tuhan bumi, serta sungai, bukit dan gunung.

8 Siapakah yang mengetuai upacara penyembahan?

- A Maharaja
- B Bomoh
- C Golongan pembesar
- D Golongan bangsawan

Kerajaan Athens telah memperkenalkan beberapa bentuk sistem pemerintahan kepada peradaban dunia.

9 Apakah sistem pemerintahan yang dimaksudkan?

- I Sistem beraja
- II Sistem demokrasi
- III Sistem autokrasi
- IV Sistem republik

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Jadual di bawah menunjukkan bentuk pemerintahan yang diamalkan dalam tamadun Yunani

Sistem Pemerintahan	Pemerintah
Monarki	Raja
Oligarki	Konsul
Tirani	X

10 X ialah

- A tentera
- B pendeta
- C aristokrat
- D cendekiawan

Teori berikut dipelajari dalam mata pelajaran fizik

Air akan menyesar mengikut muatan atau ketumpatan sesuatu objek yang terapung di atasnya supaya tidak karam

11 Guru yang membuat penjelasan di atas mengambil kesimpulan yang dibuat oleh

- A Archimedes
- B Hippocrates
- C Pythagoras
- D Socrates

Pernyataan di bawah menerangkan berkaitan falsafah tamadun China

Hanya undang-undang dapat mewujudkan nilai baik dan ketertiban masyarakat

12 Falsafah China yang menekankan fahaman tersebut ialah

- A Lao Tze
- B Taoisme
- C Legalisme
- D Confucianisme

Seni bina berikut dibina semasa pemerintahan Dinasti Chin dalam tamadun China

Tembok Besar China

13 Tujuan pembinaannya untuk

- A pertahanan
- B pentadbiran
- C pelancongan
- D persempadanan

Pernyataan di bawah menerangkan peningkatan ekonomi dalam tamadun India

Sresthin ditubuhkan di setiap bandar India dengan tujuan memesatkan ekonomi

14 Apakah matlamat penubuhan 'sresthin' ketika itu?

- I Mengawal harga
 - II Mengawal gaji pekerja
 - III Mengawal kualiti perkhidmatan
 - IV Mengawal kuantiti barangan
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

[Lihat halaman sebelah
SULIT

15 Dalam tamadun India, peningkatan dalam bidang pendidikan telah bermula pada zaman Vedik. Apakah kaedah belajar yang digunakan pada zaman di atas?

- A Hafalan
- B Pemahaman
- C Menadah kitab
- D Penerangan guru

16 Antara berikut yang manakah menjelaskan kegiatan ekonomi kerajaan agraria?

- I Menangkap ikan
- II Menternak binatang
- III Mengumpul hasil laut
- IV Menjalankan perdagangan entreport

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17 Pernyataan di bawah merujuk pada dua buah kerajaan agraria

Pertanian di Funan dan Angkor berkembang dengan pesat

Apakah faktor yang mendorong berlakunya fenomena tersebut?


- A Tenaga kerja mencukupi
- B Pembinaan sistem pengairan yang baik
- C Penggunaan alat pertanian yang baik
- D Suhu yang sesuai dengan tanaman

18 Dalam kerajaan agraria terdapat aktiviti pengambilan sarang burung daripada gua.

Apakah tujuan sarang burung tersebut diambil?

- A Aktiviti perdagangan
- B Makanan harian
- C Dijadikan sebagai perhiasan
- D Membersihkan gua

Rajah di bawah berkaitan dengan kerajaan Srivijaya



19 Apakah keistimewaan yang terdapat di pelabuhan tersebut menurut I-Tsing?

- Keistimewaan pelabuhan*
- A Terletak di lokasi strategik
 - B Mempunyai gudang yang besar
 - C Menghasilkan makanan laut yang banyak
 - D Mampu menghasilkan kapal yang besar

Pernyataan di bawah menerangkan tentang Kerajaan Kedah Tua

Gunung Jerai memainkan peranan penting dalam perkembangan Kedah Tua

Peranan gunung

20 Apakah peranan penting Gunung Jerai?

- A Sebagai pertahanan dari ancaman luar
- B Sebagai pusat pentadbiran
- C Menjadi panduan kapal menuju ke pelabuhan
- D Menjadi tempat pertemuan pembesar

Pernyataan di bawah menunjukkan fungsi kapal layar dan perahu dalam masyarakat kerajaan awal di Asia Tenggara.

Kapal layar – perdagangan jarak jauh
Perahu – perdagangan jarak dekat

21 Apakah panduan yang digunakan oleh penduduk untuk menuju ke sesuatu tempat?

- A Kedudukan matahari
- B Arus sungai
- C Bintang di langit
- D Kompas

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Konsep di bawah berkaitan dengan sistem beraja dalam kerajaan awal di Asia Tenggara.

- Dewa-raja
- Orde kosmos

22 Apakah kepentingan konsep-konsep tersebut kepada seseorang raja?

- A Membezakan status raja
- B Menunjukkan kuasa sakti
- C Melambangkan konsep daulat
- D Memperkukuhkan kedudukan

23 Apakah peranan golongan Brahmin dalam sistem pemerintahan kerajaan awal di Asia Tenggara?

- A Menjaga keamanan
- B Menggubal undang-undang
- C Memutuskan jenis hukuman
- D Mengetuai upacara keagamaan

Dalam upacara angkat sumpah di Srivijaya, Datu akan meminum air yang disiram pada batu.

24 Apakah tujuan utama upacara di atas?

- A Menguji kekuatan pembesar
- B Menghapuskan dosa-dosa pembesar
- C Menanam nilai taat setia pembesar terhadap raja
- D Menekan nilai ketahanan diri dikalangan pembesar

Nabi Muhammad s.a.w diamanahkan oleh pemimpin Arab Quraisy untuk meletakkan Hajar Aswad ke tempat asalnya.

25 Peristiwa di atas membuktikan bahawa Nabi Muhammad s.a.w seorang yang

- A sentiasa bekerjasama
- B jujur dan suka membantu
- C Bertolak ansur
- D bijaksana dalam kepimpinannya

- 26 Apakah faktor keruntuhan empangan Maarib di Sabak pada tahun 300 Masihi?
- A Gempa bumi
 - B Kemarau panjang
 - C Peperangan kabilah
 - D Kelalaian pemimpin
- 27 Masyarakat Arab Jahiliah mengamalkan Sistem Kabilah yang berasaskan cara hidup berpuak-puak.
- Apakah kesan amalan tersebut?
- A Penindasan terhadap golongan lemah
 - B Kemunculan semangat assabiah
 - C Perebutan menjadi pemimpin
 - D Keruntuhan akhlak
- 28 Apakah peranan syekh dalam sesuatu kabilah masyarakat Arab Jahiliah?
- I Lambang keharmonian
 - II Lambang perpaduan
 - III Ketua kabilah
 - IV Ketua agama
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 29 Wahyu pertama telah diturunkan oleh Allah s.w.t kepada Nabi Muhammad s.a.w ialah surah al-Alaq.
- Apakah kepentingan wahyu tersebut?
- A Membuang adat lama yang mengongkong
 - B Sentiasa bersedia menerima perubahan
 - C Menguasai ilmu melalui membaca
 - D Memiliki pemikiran yang dinamik
- 30 Mengapakah golongan bawahan merupakan golongan awal yang memeluk agama Islam di Kota Makkah?
- A Layanan yang adil
 - B Mendapat ganjaran
 - C Sokongan pembesar
 - D Bebas daripada kabilah

31

Tahun	Peristiwa
17 Ramadan (6 Ogos 610 Masihi)	Wahyu pertama diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w di Gua Hiraq

Peristiwa di atas menunjukkan

- A agama Islam mula tersebar
- B kemunculan kerajaan Islam
- C penentangan Arab Quraisy terhadap Islam
- D pemisah zaman Jahiliah dengan zaman Islam

32 Apakah perkara utama yang ditekankan oleh Nabi Muhammad s.a.w ketika berdakwah di peringkat awal di Makkah?

- A Puasa
- B Ibadat
- C Akidah
- D Sembahyang

Senarai berikut berkaitan dengan suku kaum yang tinggal di Madinah.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Bani Quraizah • Bani Nadir • Bani Qainuqa' |
|--|

33 Apakah persamaan golongan di atas?

- A Golongan Nasrani
- B Golongan Yahudi
- C Golongan Arab
- D Golongan umat Islam

34 Mengapakah keadaan di Madinah tidak aman sebelum peristiwa Hijrah?

- A Penyerangan orang Quraisy
- B Pencerobohan orang Yahudi
- C Penguasaan ekonomi orang Yahudi
- D Pergaduhan suku Arab dan Yahudi

- 35 Bagaimanakah Nabi Muhammad s.a.w. mengetahui niat dan pakatan orang Quraisy untuk membunuh baginda?
- A Melalui orang Aus dan Khazraj
 B Melalui Abu Bakar al-Siddiq
 C Melalui wahyu
 D Melalui umat Islam Makkah

Maklumat berikut mengenai gelaran yang diberi selepas Hijrah ke Madinah

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Muhajirin • Ansar |
|--|

- 36 Apakah ciri persamaan kedua-dua golongan di atas?
- I Berasal dari Makkah
 II Berasal dari Madinah
 III Memeluk agama Islam
 IV Memberi taat setia kepada Nabi Muhammad s.a.w
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 37 Pada setiap tahun negara kita menyambut "Maal Hijrah".

Apakah tujuan diadakan sambutan ini?

- A Mengingati kelahiran Nabi Muhammad s.a.w.
 B Mengingati perjuangan umat Islam pada zaman Nabi Muhammad s.a.w.
 C Mengingati permulaan pemerintahan Khulafa al-Rasyidin
 D Mengingati kejayaan pembentukan kerajaan Islam yang pertama

Selepas Hijrah, Nabi Muhammad s.a.w. menukarkan nama Yathrib kepada Madinah al-Munawarah

- 38 Antara berikut, pernyataan manakah dapat menerangkan maksud kota tersebut?
- A Kota perdagangan
 B Kota pentadbiran Islam
 C Kota bercahaya
 D Kota bertamadun

[Lihat halaman sebelah

Pernyataan berikut berkaitan dengan hasrat orang Islam Madinah

Pada tahun 628 M, umat Islam Madinah bercadang ke Makkah

- 39 Mengapakah cadangan tersebut dikemukakan?
- A Mengerjakan umrah
 - B Meneruskan perjuangan
 - C Mengembangkan agama
 - D Menamatkan peperangan
- 40 Apakah tafsiran yang boleh dibuat atas persetujuan Arab Quraisy untuk menandatangani Perjanjian Hudaibiyah?
- A Mengakui kekuatan tentera Islam
 - B Memihak kepada golongan Islam
 - C Mengiktiraf kerajaan Islam Madinah
 - D Menerima Nabi Muhammad s.a.w sebagai pemimpin

KERTAS SOALAN TAMAT

11/11/2020

11/11/2020

11/11/2020

11/11/2020

